

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Peluang untuk menjadi pendidik

Ketika penulis belajar di sekolah rendah suatu ketika dulu, guru-gurunya hanya berkeputusan peringkat sijil atau diploma perguruan saja, namun pada masa ini semakin ramai yang berkeputusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Peningkatan taraf kelulusan akademik pendidik atau guru sekolah rendah menunjukkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sangat mementingkan mutu pendidikan yang diberi kepada anak-anak Malaysia.

Bertepatan dengan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012 pada hari ini (21 Mac), KPM membuka peluang kepada lepasan sijil itu yang berminat memilih kerjaya sebagai guru sekolah rendah.

Walaupun calon terbabit akan menjadi guru lima tahun akan datang (2018), perancangan KPM ini bertujuan menampung keperluan guru-guru ketika itu akibat pertambahan sekolah rendah seiring meningkatnya bilangan murid selain untuk menggantikan guru-guru yang bersara.

Berdasarkan iklan KPM yang disiarkan oleh beberapa akhbar harian utama pada Ahad lepas, KPM mempelawa calon lepasan SPM, lulusan Unified Examination Certificate (UEC) dan Sijil

Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU) yang berkelulusan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Keupujian.

Pada setiap tahun, lazimnya lebih 100,000 calon memohon untuk mengikuti program sarjana muda perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) seterusnya menyertai profesion paling popular itu. Begitulah hebatnya daya tarikan profesion guru di negara ini.

Selepas tamat mengikuti program ini, mereka akan dilantik sebagai guru dan ditawarkan gaji dan elaun sekitar RM3,000 sebulan. Jika berkhidmat di pedalaman mereka akan menerima elaun tambahan sebanyak

RM1,500 sebulan. Selain itu, guru yang menunjukkan prestasi cemerlang akan mudah dinaikkan pangkat.

Dari semasa ke semasa KPM menerusi Menteri yang juga Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin menambah baik skim perkhidmatan perguruan termasuk kenaikan pangkat, elaun serta ganjaran kewangan yang menunjukkan profesion itu sentiasa mendapat keistimewaan daripada kerajaan.

Tempoh dan pengkhususan
Program ini mengambil masa lima tahun iaitu setahun untuk program persediaan, manakala empat tahun lagi untuk program ijazah. Program ini dijalankan di IPG, KPM.

Maklumat KPM menunjukkan kali ini bidang pengkhususan yang ditawarkan

untuk mata pelajaran di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Pengkhususan untuk SK ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Khas, Pendidikan Islam, Bimbingan dan Kaunseling, Bahasa Cina, Bahasa Kadazan Dusun. Pra Sekolah, Pendidikan Jasmani, Sejarah, Muzik, Pemulihan, Reka Bentuk dan Teknologi, Bahasa Tamil, Bahasa Arab dan Bahasa Iban.

SJKC pula ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Khas, Pendidikan Islam, Bimbingan dan Kaunseling, Pengajian Cina, Pra-Sekolah, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni Visual, Sejarah, Muzik, Pemulihan serta Reka Bentuk dan Teknologi.

Sementara untuk SJKT, KPM menawarkan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Khas, Pendidikan Islam, Bimbingan dan Kaunseling, Pengajian Tamil, Pra Sekolah, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni Visual, Sejarah, Muzik, Pemulihan serta Reka Bentuk dan Teknologi.

Syarat kemasukan

Calon lepasan SPM yang berminat perlu mendapat cemerlang dalam mana-mana tiga mata pelajaran dan sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran berikut iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, satu mata mata pelajaran lain serta lulus Bahasa Inggeris.

Bagi lulusan UEC calon perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga keupujian pada peringkat Sijil Senior Middle Level (UEC-SML), manakala calon dengan

SMA atau SMU perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga keupujian.

Selain syarat akademik, untuk terpilih calon perlu sihat fizikal dan mental selain aktif dalam kegiatan kokurikulum. Begitupun, calon perlu mempunyai minat yang mendalam untuk menjadi guru, memiliki sifat sabar dalam mendidik pelajar, berkeperibadian mulia, kebolehan berkomunikasi, mampu menghadapi cabaran dunia pendidikan selain bersedia untuk berkhidmat tanpa mengira tempat khususnya luar bandar atau pedalaman.

Seperti kebanyakan profesion lain, setiap guru dalam tugas seharian harus berpegang kepada etika dan tata-susila profesion perguruan supaya tidak lari daripada matlamat murninya.

Maklumat lanjut

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang KPM di alamat <http://www.moe.gov.my> mulai 22 Mac ini, manakala tarikh tutup pada 31 Mac.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang di atas atau hubungi Bahagian Pendidikan Guru, KPM Putrajaya di talian 03-88841260/1280, Kota Kinabalu: 088-236804 dan Kuching: 082-258045.